

UM - 9 OCT 2002

Dasar Pandang ke Timur bukan hanya rujuk Jepun

PETALING JAYA 8 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Dasar Pandang ke Timur yang diperkenal oleh kerajaan pada awal tahun 1980-an bukan hanya merujuk kepada Jepun, sebaliknya juga negara lain di sebelah Timur.

Perdana Menteri berkata, dasar tersebut kini boleh merujuk kepada China yang mula bangkit sebagai salah satu kuasa ekonomi dunia.

“Semasa memperkenalkan dasar itu, sememangnya kerajaan melihat kepada Jepun bagi membuka negara kepada perdagangan dan peluang pelaburan-asing.

“Pada masa itu, kita tidak melihat ke China walaupun kita boleh berbuat demikian, tetapi sekarang boleh dilakukan,” katanya pada sesi dialog selepas merasmikan Persidangan Ekonomi Malaysia-China 2002 di Bandar Sunway, dekat sini hari ini.

Sambil berseloroh, Dr. Mahathir menyatakan, rakyat negara ini boleh mengambil contoh daripada China kecuali peranan keluarga yang diamalkan oleh republik itu.

“Ini akan merugikan Malaysia kerana kerajaan meletakkan sasaran untuk mencapai pertumbuhan penduduk sehingga 70 juta orang, ini tidak banyak berbanding 1.3 bilion rakyat China,” ujarnya sambil berharap agar rakyat negara ini sekurang-kurangnya mempunyai lima orang anak.

Ketika menjawab soalan seorang peserta, Dr. Mahathir bersetuju jika diwujudkan sebuah biro perdagangan Malaysia-China bagi memudahkan ahli perniagaan negara ini berurusan dengan kerajaan republik tersebut terutamanya berkaitan polisi pelaburan.

Dalam hal ini, beliau menasihatkan, ahli perniagaan Malaysia memastikan mereka memenuhi kehendak polisi kerajaan Pusat dan pihak kerajaan tempatan republik tersebut sebelum melabur.

“Terdapat perbezaan polisi antara beberapa kerajaan tempatan dan Kerajaan Pusat China yang juga mempunyai peraturannya sendiri.

“Oleh itu, adalah penting untuk menentukan sebarang perjanjian pelaburan yang dibuat antara kerajaan tempatan mendapat persetujuan Kerajaan Pusat,” ujarnya.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan bersedia berbincang dengan Beijing bagi membolehkan ahli perniagaan Malaysia diberi visa kemasukan berulang-kali untuk memudahkan mereka menjalankan urusan di republik itu.

Dalam dialog itu Dr. Mahathir berkata, Malaysia mahu negara-negara di rantau ini termasuk China bekerjasama antara sama lain bagi memajukan ekonomi dan ini dilakukan melalui Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) dan ASEAN+3 (ASEAN termasuk Jepun, Korea Selatan dan China).